

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN**  
**MOHAMED SAID [ KUALA KRAU ]**

**SOALAN NO. 197**

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan senarai bantuan khusus untuk golongan Orang Kurang Upaya, dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan khusus yang disediakan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) oleh Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah **Elaun Pekerja Cacat (EPC) melibatkan 84,424 orang (RM 371,215,600.00), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) seramai 65,373 orang (RM178,580,290.00), Bantuan Pesakit Kronik/OKU Terlantar (BPT) melibatkan 26,355 orang (RM104,601,960.00) dan Bantuan Alat Tiruan/Sokongan seramai 1286 orang (RM2,833,665.00).** Jumlah keseluruhan penerima bantuan tersebut bagi tahun 2018 adalah seramai 177,438 orang dengan melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM657,231,515.00.

Disamping itu, JKJ melalui Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) telah menerima peruntukan belanja mengurus sebanyak **RM108,843,700.00** pada tahun ini untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada OKU seperti peruntukan untuk 6 buah jawatankuasa kecil di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU), pemberian geran operasi terhadap 6 buah TASKA OKU, pemberian geran kepada 554 buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Elaun Pelatih PDK seramai 20,573 orang, peruntukan pengurusan 10 buah institusi OKU dan pelaksanaan program-program pemahaman ketidakupayaan dan pembangunan kerjaya OKU.